

06/07/2005

RAFIDAH-PROTON

RAFIDAH ENGGAN ULAS MENGENAI PROTON

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini enggan mengulas mengenai isu Proton semasa para pemberita menemuinya di kementeriannya di sini.

"Saya tiada apa-apa untuk diperkatakan, saya telah memberitahu anda," kata Rafidah sambil tersenyum semasa meninggalkan pintu utama kementeriannya ke arah sebuah kereta pelbagai guna yang diletakkan di hadapan bangunan itu.

Para pemberita, jurufoto dan juru kamera media tempatan telah menunggu menteri itu sejak tengah hari untuk mendapatkan ulasannya mengenai Proton, terutama sekali mengenai kenyataan yang dibuat oleh penasihatnya, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Walaupun telah diminta ke hulu dan ke hilir dan diminta beredar oleh pengawal keselamatan, para pemberita berkenaan enggan beredar sehingga mereka menemui menteri itu meninggalkan pejabatnya.

Pada kira-kira jam 5.50 petang, Rafidah telah muncul dan terus tersenyum tetapi berjalan dengan pantas ke kereta dan menutup pintunya sambil seorang pengawal menghalangnya daripada para jurufoto dan juru kamera tv.

Rafidah menjadi buruan para pemberita yang ingin mendapatkan ulasannya, yang antaranya, mengenai permit kelulusan (AP) untuk mengimport. Ia dikeluarkan oleh kementeriannya (MITI).

Dr Mahathir telah mendakwa bahawa daripada 67,000 AP yang dikeluarkan pada tahun lepas, hanya 12,600 telah diberikan kepada 82 buah syarikat manakala sebahagian besar iaitu sebanyak 54,000 AP telah diberikan kepada 20 buah syarikat.

Bekas perdana menteri itu juga telah mengulas mengenai dakwaan perbuatan menipu perisytiharan mengenai kos kereta Korea Selatan yang diimport ke Malaysia dan menyuarakan rasa terkejutnya bagaimana kereta itu dapat diimport di bawah harga pengeluarannya.

Dr Mahathir telah mempertahankan Proton selepas syarikat pembuat kereta nasional pertama itu dikritik kerana tidak berdaya saing berbanding dengan kereta yang diimport dan dikeluarkan oleh syarikat lain yang diberikan status pengeluar kereta nasional.

Katanya, kritikan terhadap Proton itu juga menjatuhkan kredibilitinya serta potensi jualannya apabila rakyat Malaysia hilang keyakinan terhadap kereta yang dikeluarkan oleh syarikat itu.

-- BERNAMA

SHO/SOR FR AHM